

Ke Arah Meningkatkan Amalan Kemampanan Dalam Kalangan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)

WAHIDAH SHARI
MOHAMAD HANIF ABU HASSAN
NOOR MAIMUN ABDUL WAHAB
NORAZLINA ABDUL WAHAB

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

POLICY BRIEF 09

Ke Arah Meningkatkan Amalan Kemampanan Dalam Kalangan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)

Wahidah Shari
Mohamad Hanif Abu Hassan
Noor Maimun Abdul Wahab
Norazlina Abdul Wahab

2022

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

Ke Arah Meningkatkan Amalan Kemampanan Dalam Kalangan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)

© INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, or mechanical, including photocopy, recording, or any other information storage, and retrieval system without prior permission in writing from Institut Masa Depan Malaysia.

Publisher:



Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-23881059 Fax: 03-23881049
E-mail: mpdp@institutmasa.com

Advisor:

Azril Mohd Amin

Editorial Team:

Marhaini Kamaruddin
Hamidah Atan
Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan
Mohd Noor Musa
Lili Fariza Ariffin
Sim Why Jean
Nurul Aqilah Azman
Muhammad Fadzil Anif
Nur Zalikhaa' Zainal Abidin
Liwani Che Long
Muhammad Haqimie Aiman Rosli
Muhammad Akmal Hamdan

PRAKATA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar kerajaan dan akademik dalam menjalankan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Semenjak penubuhannya, MASA telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dasar dan polisi negara. MASA turut memperkenalkan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang merupakan satu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar dalam kalangan para penyelidik muda daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seluruh negara, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diujarkannya dengan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menerusi inisiatif MPDP 1.0, sebanyak 30 Ringkasan Dasar telah berjaya dihasilkan merangkumi input/cadangan dasar merentas bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan lestari.

MASA mengucapkan terima kasih kepada Dr. Wahidah Shari dan kumpulan penyelidik atas penghasilan ringkasan dasar ini. Komitmen penerima geran MPDP serta kerjasama erat dengan pihak-pihak berkepentingan amat dihargai dan diharapkan dapat terus memberi impak positif kepada pembangunan dasar negara.

Azril Mohd Amin
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Masa Depan Malaysia

TENTANG MASA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

MASA telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Md Yassin. MASA diasaskan dengan tujuan untuk mengembangkan falsafah kemakmuran bersama di Malaysia dan di rantau ini.

MASA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan sosioekonomi yang baharu untuk Malaysia.

Wawasan Kami

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

Matlamat Kami

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

TENTANG MPDP

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan suatu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar yang telah menjadi sebahagian daripada kajian unggulan MASA, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 serta disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Geran penyelidikan yang diperkenalkan pada 2021, mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.

Penyelidikan yang dijalankan menerusi MPDP merangkumi pelbagai bidang strategik. Antaranya kemiskinan multidimensi, pendidikan kumpulan B40, perancangan bandar lestari untuk komuniti berpendapatan rendah, keterangkuman wilayah di Sabah dan Sarawak, model perusahaan sosial untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi hijau dan sekuriti makanan.

Bidang strategik lain juga termasuk pemerksaan sektor ekopelancongan, perubahan iklim, kesiapsiagaan kesihatan dan daya tahan krisis masa hadapan, mengatasi keciciran pembelajaran, pemacuan pertumbuhan perniagaan, perumahan mampu milik dan perlindungan sosial.

Penyelidikan-penyelidikan ini mencerminkan aspirasi inisiatif yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-8 merangkap Pengerusi MASA, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj. Md. Yassin.

SENARAI RINGKASAN DASAR MPDP 1.0

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
1.	Family Digital Citizenship in Pandemic Recovery: Prospects, Challenges, and Policy Considerations	Prof. Madya Dr. Nor Diana Mohd Mahudin
2.	Kajian Kelestarian Perusahaan Sosial di Malaysia: Perspektif Pasca Pandemik COVID-19	Dr. Abu Hanifah bin Ayob
3.	Increasing Medical Specialists in Malaysia: Beware of Vicious Cycle	Asst. Prof. Ts. Dr. Chang Jing Jing
4.	Public Reactions and Acceptability on Carbon Tax Implementation in the Malaysian COVID-19 Economic Recovery Plan	Prof. Madya Dr. Izlawanie bt Muhammad
5.	Role of People with Disabilities towards Sustainability of Tourism Sectors in Malaysia	Ms. Kalai Vani A/P Kalimuthu
6.	Pelan Pembangunan Dasar Pengurusan Pendidikan Murid B40	Dr. Bity Salwana bt Alias
7.	The Adoption of Digital Technology in Micro-Retail Enterprises	Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
8.	The Impact of COVID-Malaysia's Emergency Mitigation Measure on 10 High-Value Crops	Prof. Madya Dr. Fatimah Kayat
9.	Towards Enhancing Sustainability Practices Among SMEs: Awareness and Challenges	Dr. Wahidah bt Shari
10.	The Role of the Share of Energy from Renewable Sources on FDI Inflows	Dr. Goh Lim Thye
11.	Elderly Adaptive City Planning-Bringing the Age-Friendly City Concept to Live	Dr. Nur Aulia Rosni
12.	Micro SMEs Rescue Plan: No One is Left Behind	Dr. Foo Lee Peng
13.	Revitalizing the Urban B40 Communities Through The Development of a Multidimensional Integrated Community Sustainability Planning (ICSP) Framework	Dr. Peter Aning anak Tedong
14.	Grey Matter - An Examination of Malaysians Perspectives Towards Ageism and Impacts of Health	Prof. Dr. Choo Wan Yuen

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
15.	Road Safety and Health Risks of Food Delivery Riders During COVID-Implications and Recommendations	Dr. Laila Suriya Ahmad Apandi
16.	Exploring the Determinants of Community Well-being in Endemic Period: A Comparison Study between Rural and Urban Community	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi
17.	Social, Economic, and Environmental Factors Determining COVID-19 Severity in Malaysia: Lessons Learnt From Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)	Dr. Teh Bor Tsong
18.	Human Capital Transformation in Talent Management Affecting Kelantan State Employee Performance During Pandemic COVID-19	Dr. Iskandar Hasan Tan bin Abdullah
19.	Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025	Dr. Mohd Ikbal bin Mohd Huda

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
20.	The Development of Youth Agropreneur Policy and Framework for Food Safety Sustainability and Poverty Reduction	Prof. Madya Dr. Sylvia @ Nabila Azwa bt Ambad
21.	Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Tioman	Dr. Siti Nor Liyana bt Harun
22.	Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi Untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
23.	Ruang Hijau Bandar Sebagai Indeks Untuk Dasar Kesihatan Mental Mampan Semasa Pandemik	Prof. Madya Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain
24.	Assessing Organizational Resources for Post Pandemic Resiliency and Employees' Well-Being	Asst. Prof. Dr. Low Mei Peng
25.	Model T-Digital dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
26.	Mental Health Services Mapping for School Going Children and Adolescents	Dr. Tengku Amatullah Madeehah bt Tengku Mohd
27.	COVID-19 Outbreak-Analysis Visualization and Classification of Food Insecurity Among Vulnerable Groups	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi Abdullah
28.	Government and Corporate Social Responsibilities for Malaysians' Livelihoods During COVID-19: A Retrospective and Prospective Reflective Analysis of Initiatives in 2020 and Beyond	Dr. Cheong Huey Fen
29.	Sustainable Development Goals (SDG): From STEM to Employability	Prof. Dr. Teoh Sian Hoon
30.	Big Data Analytics (BDA) Capability Model for SMEs: Post COVID-19	Dr. Mohammad Falahat

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	1
Biografi	2
Ringkasan Eksekutif	4
Pengenalan	6
Permasalahan Kajian	10
Analisa dan Hasil Dapatan	17
Hasil Utama Kajian	21
Cadangan Polisi dan Implikasi Pelaksanaan	23
Kesimpulan	29
Rujukan	30

BIOGRAFI

WAHIDAH SHARI

Wahidah Shari ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia. Beliau menerima ijazah pertama dalam Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia dan menamatkan pengajian Sarjana Sains dalam Kewangan Islam dan Perbankan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah dianugerahkan ijazah kedoktoran dalam Hartanah (Kewangan) dari Universiti Aberdeen, Scotland. Beliau juga merupakan pemegang sijil professional Islamic Financial Planning (IFP) dan Certified Qualification in Islamic Finance (CQIF). Bidang kepakaran beliau adalah dalam bidang Pelaburan Islam (Pasaran Wang dan Modal Islam), Perbankan dan Kewangan Islam, dan Pengurusan Risiko.

MOHAMAD HANIF ABU HASSAN

Mohamad Hanif ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kewangan dan Perbankan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Kewangan Islam di Universiti Sains Malaysia. Berpengalaman 13 tahun di dalam sektor perbankan dan merupakan panel tetap penilai bagi program di bawah SMEs. Beliau adalah pakar dalam bidang Kewangan Islam, Perniagaan, SME, Perbankan dan kemampuan. Aktif dalam penyelidikan dan penerbitan di dalam dan luar negara. Beliau sering dijemput sebagai panel mewakili agensi perbankan oleh agensi kerajaan, swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

NORAZLINA ABD WAHAB

Norazlina ialah Profesor Madya di Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia. Beliau berkelulusan BA (Syariah)(Hons.) dari Universiti Malaya. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan menerima Ijazah PhD pada 2013 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau berkhidmat sebagai penyemak beberapa jurnal berkaitan kewangan dan perniagaan Islam serta Ketua Pengarang Bersekutu Jurnal Perniagaan Islam Antarabangsa (IJIB) dan lembaga editorial Jurnal Perakaunan dan Dinamik Perniagaan. Minat penyelidikan beliau termasuk ekonomi Islam, zakat, kewangan sosial Islam, dan perbankan Islam.

NOOR MAIMUN ABDUL WAHAB

Noor Maimun ialah Pensyarah Kanan di Putra Business School, UPM. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang kewangan di Putra Business School, UPM. Beliau telah terlibat sebagai ahli dan ketua dalam beberapa projek penyelidikan kolaboratif yang dibiayai oleh pelbagai institusi termasuk universiti dan badan kerajaan. Noor Maimun ialah pengarang utama dan bersama dalam menerbitkan beberapa artikel didalam jurnal scopus dan berwasit. Beliau juga berkhidmat sebagai penyemak kepada beberapa artikel berkaitan kewangan yang diterbitkan oleh Jurnal Pengurusan, UKM. Beliau merupakan bekas pensyarah kanan di Universiti Utara Malaysia selama 8 tahun sebelum menjadi pensyarah kanan di Putra Business School, UPM.

Ringkasan Eksekutif

Agenda kemampanan merupakan aspek penting dalam usaha mewujudkan persekitaran, sosial dan takbir urus (ESG) yang lebih baik. Pelaksanaan kemampanan ESG yang baik perlu diterapkan secara menyeluruh dengan melibatkan semua peringkat perniagaan tanpa mengira saiz dan modal pasaran.

Oleh itu, ringkasan polisi ini adalah untuk menilai kesediaan PKS terhadap kemampanan ESG dan seterusnya mengesyorkan pelaksanaan ESG kepada PKS.

Melalui maklumbalas soalselidik yang diperolehi dari 200 usahawan PKS, tahap kesediaan PKS berada pada tahap minimum.

Berdasarkan dapatan daripada perbincangan kumpulan tumpuan dalam kalangan wakil institusi kewangan dan akademik, beberapa cadangan polisi baharu telah dikeluarkan.

Antaranya ialah pengenalan senarai semak ESG, menetapkan parameter penilaian, penyediaan ringkasan laporan ESG didalam penyata kewangan tahunan PKS dan melaksanakan kempen kesedaran ESG secara berkala.

Polisi yang dicadangkan ini adalah penting untuk memastikan industri PKS terus berdaya saing dan mampu meningkatkan kelestarian persekitaran, sosial dan tadbir urus dengan lebih baik.

Dapatan Utama dan Cadangan Polisi

Cadangan 1

- Pihak kerajaan perlu menyarankan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mengenakan syarat kepada semua syarikat berdaftar agar mengisi borang 'komuniti ESG' sebelum pembaharuan lesen dilaksanakan.

Cadangan 2

- BNM perlu menetapkan parameter yang minima sebagai '*benchmark*' kepada institusi kewangan dalam penilaian pelaksanaan ESG.

Cadangan 3

- Kementerian Kewangan perlu mengeluarkan arahan memasukkan laporan ESG kedalam laporan kewangan tahunan syarikat yang berdaftar.

Pengenalan

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) merupakan agenda pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi. Agenda tersebut terdiri daripada 17 Matlamat yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB pada September 2015.

Di Malaysia, agenda kemampanan merupakan aspek penting dalam usaha mewujudkan persekitaran, sosial dan takbir urus yang lebih baik. Selari dengan matlamat kearah agenda Kemampanan 2030, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah memperkenalkan beberapa dasar dan garis panduan bagi menggalakkan pelaksanaan kemampanan dalam kalangan para peniaga (Jadual 1).

Melalui penelitian, pelaksanaan dasar-dasar tersebut tidak secara menyeluruh dimana ianya lebih memberi penekanan kepada syarikat yang berstatus korporat atau syarikat tersenarai awam sahaja. Syarikat-syarikat berdaftar lain seperti PKS tidak sepatutnya diabaikan kerana golongan ini memonopoli landskap perniagaan di Malaysia.

Selain itu, PKS juga mempunyai potensi yang lebih baik untuk dibangunkan dimana ianya telah memberi sumbangan yang besar kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat di seluruh negara di dunia dengan membantu mengurangkan tahap kemiskinan melalui penciptaan pekerjaan baru serta melahirkan usahawan dan pembekal desa yang membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Jadual 1

Dasar Semasa Kemampanan Di Malaysia


Tahun	Dasar dan Garis Panduan
2022	Dua kemudahan dana di bawah bajet 2022 iaitu Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (BRF) dan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF)
2021	Pelancaran Indeks <i>FTSE4Good Bursa Malaysia Shariah</i> (F4GBMS)
2019	Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 bagi menyokong agenda sosioekonomi yang inklusif, seimbang, dan mampan
2016	Pelancaran Indeks <i>FTSE4Good Bursa Malaysia</i> bagi menggalakkan amalan kemampanan dalam kalangan syarikat tersenarai awam
2015	Pindaan kepada <i>Corporate Social Reporting Framework (CSRF)</i> sedia ada bagi tujuan penambahbaikan laporan kemampanan korporat syarikat
2009	CSRF sebagai garis panduan bagi syarikat tersenarai awam yang ingin melaksanakan pelaporan kemampanan korporat
2002	Pelancaran <i>ACCA Malaysia Environmental and Social Reporting Award (MESRA)</i> bagi mengiktiraf syarikat yang membuat laporan kemampanan korporat.

Seperti yang dibentangkan dalam Rajah 1, PKS secara konsisten menyumbang lebih 35% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia antara tahun 2015 dan 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Oleh itu, adalah relevan bagi PKS untuk mengambil bahagian dalam menyumbang kepada pencapaian agenda pembangunan kemampanan Malaysia 2030.

Rajah 1

Sumbangan PKS kepada KDNK Malaysia



Seterusnya, berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi melalui soal selidik yang diagihkan kepada 200 Usahawan PKS, beberapa input penting berkaitan cabaran kepada golongan ini dalam pelaksanaan kemampuan telah dikenal pasti seperti berikut:

- Undang-undang alam sekitar tiada kaitan dengan perniagaan;
- Kurang ilmu atau pendedahan berkaitan dengan undang-undang alam sekitar;
- Tiada maklumat dan masa untuk menjaga alam sekitar;
- Kos penjagaan alam sekitar yang tinggi;
- Kekurangan pekerja untuk aktiviti kemasyarakatan;
- Tiada kepakaran dan sumber untuk aktiviti masyarakat; dan
- Pekerja tidak berminat aktiviti kemasyarakatan dan beza budaya menyukarkan aktiviti kemasyarakatan.

Permasalahan Kajian

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed memberi kenyataan bahawa kesedaran dalam mengamalkan agenda kelestarian dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih di tahap minimum.

Beliau juga menyatakan bahawa terdapat kira-kira 1.2 juta PKS di Malaysia pada hari ini tidak menyedari agenda kemampanan yang diterima pakai oleh negara.

Selain itu, rata-rata daripada kalangan PKS berpendapat bahawa agenda pelaksanaan kemampanan persekitaran, sosial, dan tadbir urus (ESG) ini merupakan agenda yang akan meningkatkan kos kepada mereka (Bernama, 2022).

Isu kegagalan pelaksanaan ESG ini turut dibangkitkan oleh Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar, yang menyatakan masih terdapat PKS yang gagal menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global yang mementingkan produk-produk yang mampan (Berita Harian, 2022).

Akibatnya, PKS berdepan dengan kesukaran untuk memasarkan produk dan tidak mampu mengekalkan pencapaian baik dan berkembang di masa hadapan.

Seterusnya, isu berkaitan takbir urus turut menjadi perkara serius mutakhir ini. Menteri Sumber Manusia, Datuk M Saravanan menyatakan imej negara “tercalar” dari segi urus tadbir pekerja asing apabila tempat tinggal disediakan tidak kondusif dan kegagalan mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) yang mana ianya merupakan kesalahan utama majikan (Fadli, 2022).

Selain itu, Lee, (2018) turut mengkritik isu diskriminasi pekerjaan yang berlaku di Malaysia seperti soal kualiti pekerjaan, peluang pekerjaan dan gaji.

Isu berkaitan alam sekitar juga merupakan salah satu agenda penting dalam mencapai kemampanan. Seriusnya masalah alam sekitar di Malaysia bergantung kepada sejauh mana seseorang atau organisasi mementingkan alam sekitar.

Memandangkan aktiviti-aktiviti perniagaan adalah agen pembangunan dan pemodenan, maka menjadi tanggungjawab mereka untuk mengurangkan tekanan terhadap alam sekitar dalam setiap aktiviti bagi memastikan pembangunan lestari negara dapat dicapai.

Dalam keghairahan berniaga, wujud kesan yang negatif kepada alam sekitar seperti pencemaran air dan udara, hakisan dan pemendapan, penyahutan dan lain-lain lagi. Akibatnya, ia memberi impak buruk kepada masyarakat dan dunia keseluruhannya (Yaacob, 2011).

Menurut Pengerusi Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), pelaksanaan kemampuan ESG yang baik bukan hanya kepada syarikat-syarikat besar, tetapi ianya lebih meluas sehingga melibatkan semua syarikat tanpa mengira saiz dan modal pasaran, malahan merangkumi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Hal ini menjadi signifikan memandangkan persekitaran ekonomi semasa berada di dalam fasa yang mencabar dan ini akan memberi implikasi yang besar kepada semua sektor perniagaan (Business Today, 2021).

Kunci Utama

- Amalan dan kesedaran kemampuan dalam kalangan PKS berada di tahap minimum.
- PKS gagal menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan global yang mementingkan produk-produk yang mampan.
- Imej negara “tercalar” dari segi urus tadbir pekerja asing.
- Diskriminasi berkaitan kualiti pekerjaan, peluang pekerjaan, dan gaji.
- Persekitaran ekonomi yang mencabar memberi implikasi yang besar kepada semua sektor perniagaan.

Objektif Kajian

1. Menilai kesedaran PKS berkaitan kemampuan ESG;
2. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh usahawan PKS dalam menjalankan kemampuan;
3. Mengenal pasti faktor pelaksanaan kemampuan dalam kalangan PKS di negeri Kedah, Perlis, dan pulau Pinang; dan
4. Mencadangkan polisi pelaksanaan kemampuan dalam kalangan PKS.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengadaptasi gabungan bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dimana ia digunakan mengikut objektif dan fasa penyelidikan yang dijalankan seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2

Fasa Pengumpulan Data Kajian

Item	Fasa Pertama	Fasa Kedua
Objektif Kajian	1, 2, dan 3	4
Bentuk Kajian	Kuantitatif	Kualitatif
Instrumen Kajian	Soal selidik	Perbincangan kumpulan bertumpu
Sampel Kajian	200 Usahawan PKS di sekitar Kedah, Penang, Perlis	Wakil dari institusi kewangan, SME Corporation, dan ahli akademik

Berdasarkan jenis perniagaan, 67% adalah enterprise, 32% sendirian berhad, dan hanya 1% peratus adalah jenis berhad (Jadual 3).

Manakala bagi segi pemilikan perniagaan, 66% adalah pemilikan persendirian. Pemilikan Bersama dan keluarga masing-masing sebanyak 13% dan 21%.

Lebih dari tiga perempat perniagaan telah ditubuhkan kurang dari 20 tahun. 97% perniagaan mempunyai bilangan pekerja kurang dari 50 orang.

Dari segi sektor perniagaan, majoriti (64.5%) adalah terdiri daripada perkhidmatan (*trading*) diikuti oleh sektor pembuatan (23%) dan pembinaan (7%)


Terdapat keseimbangan dalam lokasi perniagaan responden antara, Kedah (34.5%), Perlis (34%), dan Pulau Pinang (31.5%).

Jadual 3
Profil Perniagaan Respondenb (N=200)

	Kekerapan	%
<i>Jenis perniagaan</i>		
Enterprise	134	67.0
Sendirian	64	32.0
<i>berhad</i>		
Berhad	2	1.0
<i>Pemilikan perniagaan</i>		
Persendirian	132	66.0
Bersama	26	13.0
Keluarga	42	21.0
<i>Tempoh penubuhan</i>		
0 – 5	31	15.5
6 – 10	48	24.0
11 – 20	90	45.0
21 – 30	23	11.5
> 31	8	4.0
<i>Bilangan pekerja</i>		
1 – 5	79	39.5
6 – 15	96	48.0
16 – 25	10	5.0
26 – 50	9	4.5
> 50	6	3.0


Rajah 2

Fasa Pengumpulan Data Kajian



Rajah 3

Lokasi Perniagaan Responden



Analisa dan Hasil Dapatan

(1) Kesedaran Kemampanan dalam Kalangan PKS

Berdasarkan hasil kajian, kesedaran kemampanan alam sekitar dapat di jelaskan seperti berikut:

- Kurang dari 50% PKS bersungguh-sungguh melaksanakan amalan penjagaan alam sekitar (seperti pengurusan bahan buangan) dan penjimatan tenaga dan air;
- Dasar atau strategik kemampanan yang teratur dalam kalangan PKS kurang praktikkan menjadi punca kurangnya kesedaran berkaitan penjagaan alam sekitar;
- Hanya 27% responden menjalankan program kitar semula dan 21% melaporkan aktiviti kemampanan yang dilaksanakan didalam perniagaan; dan
- PKS kurang maklumat berkaitan insentif yang disediakan bagi menjalankan amalan kemampanan.

Manakala bagi kesedaran kemampanan sosial dan tadbir urus, hasil kajian secara umumnya menunjukkan bahawa:

- Walaupun responden bersetuju akan kepentingan masyarakat dan komuniti setempat, namun hanya 26% responden yang meluangkan masa dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan komuniti setempat;
- Lebih 50% responden memberi maklum balas bahawa pengurusan pekerja didalam syarikat mereka diuruskan dengan baik apabila majikan menghormati waktu kerja dan waktu cuti pekerja, majikan menyediakan kemudahan kesihatan kepada pekerja, serta persekitaran tempat kerja yang baik;

- Peluang kerjaya antara pekerja lelaki dan perempuan diberi secara sama rata oleh majikan. Selain itu, pandangan yang diberikan oleh pekerja di pertimbangkan dengan baik;
- Kurang dari separuh responden memaklumkan bahawa syarikat mereka mempunyai carta organisasi, perancangan perniagaan, dan kod etika yang jelas dan bertulis; dan
- Pihak pengurusan syarikat kurang memainkan peranan dalam memastikan kemampuan tadbir urus syarikat apabila hanya 35% sahaja PKS yang mempunyai laporan berkaitan aktiviti perniagaan dan 31% membuat pemantauan berkaitan etika perniagaan.

Secara keseluruhannya, maklum balas berkaitan kesedaran kemampuan menunjukkan bahawa tahap kesedaran PKS masih di tahap minimum dan memerlukan penambahbaikan untuk mencapai objektif ESG.

Melalui dapatan ini, ia dapat memberi maklumat bahawa penekanan kepada kemampuan alam sekitar perlu diberi keutamaan seterusnya takbir urus dan sosial.

(2) Faktor-Faktor Pelaksanaan Kemampuan dalam Kalangan PKS

Jadual 4 menunjukkan pandangan responden berkaitan faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi pelaksanaan kemampuan di kalangan PKS.

Hasil dapatan menunjukkan faktor dalaman organisasi seperti kesedaran, pengetahuan, penerapan budaya, dan reputasi firma mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ($p < 0.05$) dalam menentukan pelaksanaan kemampuan ESG dalam kalangan PKS.

Rakan kongsi menunjukkan hubungan negatif dan signifikan pada 0.01 amalan kemampuan usahawan PKS. Ini menjelaskan bahawa pengaruh rakan kongsi tidak berupaya menggalakkan amalan kemampuan PKS.

Sebaliknya ia mengurangkan pelaksanaan ESG dalam kalangan PKS. Bagi faktor luaran, hanya pesaing dilihat memberi kesan yang positif kepada meningkatkan tabiat kemampuan PKS.

Secara umumnya, hasil dapatan menunjukkan kedua-dua faktor dalaman dan luaran memainkan peranan yang penting dalam mendorong pelaksanaan kemampuan dalam kalangan PKS.

Jadual 4

Analisis Faktor Penentuan Amalan Kemampunan Dalam Kalangan PKS

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	1.366	0.211		6.460	0.000
Faktor dalaman organisasi					
Kesedaran	0.144	0.037	0.246	3.853**	0.000
Pengetahuan	0.251	0.051	0.286	4.907**	0.000
Rakan Kongsi	-0.052	0.016	-0.194	-3.288**	0.001
Budaya	0.107	0.037	0.192	2.880**	0.004
Reputasi Firma	0.099	0.051	0.155	1.937*	0.054
Pekerja	-0.031	0.034	-0.060	-0.914	0.362
Kewangan Firma	-0.087	0.049	-0.138	-1.780	0.077
Faktor luaran organisasi					
Pesaing	0.265	0.077	0.328	3.445**	0.001
Pembekal	-0.021	0.061	-0.030	-0.351	0.726
Pelanggan	0.031	0.036	0.050	0.876	0.382
Peraturan	0.038	0.048	0.052	0.802	0.424
Masyarakat	-0.059	0.047	-0.085	-1.250	0.213
<i>R square</i> : 0.589		<i>Adj. R square</i> : 0.563		<i>F-value (p-value)</i> : 22.33 (0.000)	
Nota: *p < 0.05; ** p < 0.001. N = 200					

Hasil Utama Kajian

- Pengetahuan usahawan PKS berkaitan kemampanan alam sekitar, sosial, dan tadbir urus masih di tahap minimum. Oleh itu, pendedahan dan pengetahuan berkaitan kemampanan ESG penting bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS.
- Sebahagian PKS yang menganggap bahawa undang-undang berkaitan alam sekitar tidak mempunyai kaitan dan tidak memberi manfaat kepada perniagaan mereka. Ini menjelaskan bahawa campur tangan dari pihak berkuasa adalah perlu bagi menggalakkan tabiat kemampanan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- Faktor dalaman organisasi seperti kesedaran, pengetahuan, dan penerapan budaya mempunyai hubungan yang positif dengan amalan kemampanan PKS.
- Reputasi firma turut mempengaruhi usahawan PKS melaksanakan kemampanan. Ini menunjukkan bahawa PKS melaksanakan tabiat kemampanan sekiranya ia mampu meningkatkan reputasi firma itu sendiri.
- Selain itu, faktor luaran seperti pesaing turut memberi kesedaran kepada PKS untuk terlibat didalam amalan kemampanan.

- Mewujudkan platform kumpulan sokongan, garis panduan, dan template kemampanan ESG membantu pelaksanaan kemampanan dalam kalangan usahawan PKS.
- Pengiktirafan dan sistem ganjaran berupaya menggalakkan usahawan PKS kearah kemampanan ESG.

Cadangan Polisi dan Implikasi Pelaksanaan

Cadangan
Polisi

Pelaksanaan

Keberhasilan

Pemetaan Cadangan Polisi Antara BNM, SSM, dan PKS

Senarai semak
ESG

- Pelaksanaan senarai semak ESG dilakukan di peringkat SSM.
- Setiap pendaftar perniagaan sama ada baru atau memperbaharui lesen perlu untuk membuat semakan pelaksanaan ESG. Semakan tersebut perlu berdasarkan senarai semak yang dikeluarkan oleh BNM di mana senarai semak tersebut adalah seragam atau sama seperti senarai semak yang diberikan kepada pihak institusi kewangan.
- Bagi memastikan setiap pelaksanaan ESG yang telah ditanda oleh pemohon lesen SSM yang baharu atau pemohonan pembaharuan lesen SSM, maka dicadangkan untuk memasukkan pernyataan pengishtiharan (*declaration statement*) di akhir senarai semak tersebut.

- Memupuk kesederan berkenaan kepentingan kemampunan dan menggalakkan pelaksanaan kemampunan dalam perniagaan.

Cadangan
Polisi

Pelaksanaan

Keberhasilan

Pemetaan Cadangan Polisi Antara BNM, Institusi Perbankan/Bukan Bank, dan PKS

Arahan pelaksanaan ESG dari BNM

- BNM perlu mengeluarkan arahan kepada semua institusi kewangan berdaftar di Malaysia untuk melaksanakan semakan implimentasi ESG kepada semua pelanggan yang terlibat dengan pinjaman atau pembiayaan perniagaan. Institusi kewangan tersebut termasuklah bank-bank berdaftar dan institusi kewangan bukan bank.
- Pelaksanaan ini boleh dilakukan dengan mengeluarkan senarai semak ESG kepada semua institusi kewangan sebagai panduan semakan tersebut.
- Dengan adanya senarai semak ini, ianya boleh dijadikan syarat kelulusan kepada para usahawan untuk mendapatkan pinjaman atau pembiayaan.
- Seterusnya, pihak bank dan institusi kewangan lain perlu mensyaratkan kursus ESG perlu diambil oleh setiap peminjam sebagai syarat sebelum pengeluaran pinjaman dibuat.

- Pelaksanaan semakan lebih teratur dan seragam kepada semua institusi kewangan.

Cadangan
Polisi

Pelaksanaan

Keberhasilan

Pemetaan Cadangan Polisi Antara BNM, Institusi Perbankan/Bukan Bank, dan PKS

Parameter ESG

- Pihak BNM perlu menetapkan parameter yang minima sebagai penanda aras kepada institusi kewangan dalam penilaian pelaksanaan ESG.
- Parameter yang seragam diperlukan sebagai panduan kepada institusi kewangan dalam penilaian pelaksanaan ESG.
- Cadangan parameter adalah 25% dari senarai semak ESG BNM.

- Memudahkan urusan penilaian dibuat di peringkat pelaksana (institusi kewangan) dan penilaian adalah lebih seragam.
- Memudahkan pihak kerajaan Malaysia untuk membuat pengukuran tahap prestasi pelaksanaan ESG dalam kalangan para usahawan dalam mencapai objektif kemampuan secara menyeluruh.

Pemetaan Cadangan Polisi Antara Kerajaan, LHDN, Firma Audit, dan PKS

Laporan ESG

- Kementerian Kewangan perlu mengeluarkan arahan memasukkan Laporan ESG dalam laporan kewangan tahunan syarikat yang berdaftar.

- Memberi kesedaran kepada syarikat untuk mengaplikasikan kemampuan ESG dalam aktiviti perniagaan seharian mereka.

Cadangan Polisi	Pelaksanaan	Keberhasilan
Laporan ESG	<ul style="list-style-type: none"> • Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut perlu dilakukan melalui pihak pemantau atau LHDN kepada badan pelaksana iaitu firma audit untuk memasukkan Laporan ESG ke dalam laporan tahunan kewangan syarikat. • Bagi syarikat enterprise yang tidak mempunyai laporan audit, maka ringkasan laporan berkaitan pelaksanaan ESG perlu disediakan mengikut templat seragam yang perlu diperkenalkan oleh pihak bank sebagai langkah permulaan penglibatab dalam kemampuan ESG. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ini bagi membolehkan laporan yang positif boleh direkodkan dalam laporan tahunan kewangan syarikat. • Laporan yang positif adalah penting kepada syarikat untuk menunjukkan reputasi dan nama baik syarikat.

Pemetaan Cadangan Polisi Pelaksanaan Kemampuan ESG Dalam Firma Perniagaan

Komuniti ESG	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak kerajaan perlu menyarankan kepada SSM untuk mengenakan syarat kepada semua syarikat berdaftar agar mengisi borang 'Komuniti ESG' sebelum pembaharuan lesen dilaksanakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membolehkan pemantauan dan pelaporan dilaksanakan di peringkat dalaman.
--------------	--	---

Cadangan
Polisi

Pelaksanaan

Keberhasilan

Pemetaan Cadangan Polisi Pelaksanaan Kemampunan ESG Dalam Firma Perniagaan

Komuniti ESG


- Borang tersebut perlu mengandungi ahli komuniti seperti ketua, pembantu, dan ahli-ahli. Syarat minima komuniti tersebut sekurang-kurangnya dua orang bagi syarikat enterprise dan empat orang bagi syarikat sendirian berhad.
- Pelaksanaan komuniti tersebut diambil kira sebagai pencapaian '*key performance indicator*' (KPI) syarikat .

Siri webinar
ESG

- Komuniti ESG yang telah ditubuhkan dalam firma perniagaan digalakkan untuk menganjurkan siri webinar berkaitan kemampunan dan kepentingan kemampunan kepada diri sendiri, masyarakat, dan ekonomi negara.

- Meningkatkan penerapan budaya kemampunan dalam kalangan pekerja firma tersebut.

PEMETAAN CADANGAN POLISI PELAKSANAAN KEMAMPANAN DALAM KALANGAN PKS



PELAKSANAAN KEMAMPANAN ESG DI DALAM FIRMA PERNIAGAAN:

- ✓ Mewujudkan komuniti kemampanan ESG di dalam firma perniagaan.
- ✓ Mengadakan siri webinar untuk menerapkan budaya kemampanan ESG.
- ✓ Menetapkan kemampanan ESG sebagai 'Key Performance Indicator' firma perniagaan.

Kesimpulan

Agenda kemampanan 2030 merupakan pendekatan yang terbaik dalam memastikan kestabilan negara dan ekonomi. Bagi memastikan agenda ini dapat direalisasikan, ianya memerlukan sokongan daripada semua pihak dan peringkat terutamanya daripada sektor-sektor yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi.

Seperti sedia maklum, sektor PKS merupakan sektor yang menyumbang peratusan terbesar kepada perkembangan ekonomi. Namun, melalui dapatan kajian yang dijalankan, tahap kesedaran dan pelaksanaan ESG dalam kalangan PKS masih di peringkat minimum dan ini memberi kebimbangan kepada pencapaian agenda kemampanan 2030 yang masih berbaki tujuh tahun.

Justeru, polisi yang dibangunkan ini lebih bersifat komprehensif yang mana penekanan lebih memfokuskan kepada peranan dan tanggungjawab PKS dalam memastikan pelaksanaan ESG dapat dilaksanakan. Dengan polisi baharu yang dicadangkan ini, dijangkakan agenda kemampanan akan dapat dilaksanakan selari dengan syarikat-syarikat tersenarai awam. Selain itu, polisi baharu ini akan mewujudkan kelestarian secara menyeluruh dan agenda kemampanan 2030 akan dapat dicapai dengan jayanya.

Rujukan

Bank Negara Malaysia. (2021). *Annual Report 2021*. Bank Negara Malaysia. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021_en_book.pdf

Bank Negara Malaysia. (2022). *Establishment of New Financing Facilities by Bank Negara Malaysia*. Bank Negara Malaysia. <https://www.bnm.gov.my/-/new-bnm-funds-sme-brf-lctf>

Editor. (2021, May 23). *Good Governance And ESG Not Just For Big Companies, SME's Should Practice*. Business Today. <https://www.businesstoday.com.my/2021/05/23/good-governance-and-esg-not-just-for-big-companies-smes-should-practice/>

Fadli, M. (2022, Ogos 19). *Isu tempat tinggal, gaji pekerja asing 'calar' imej negara, kata menteri*. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/08/19/isu-tempat-tinggal-gaji-pekerja-asing-calar-imej-negara-kata-menteri>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)*. Kementerian Ekonomi. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php=column/cthemByCat&cat=159&bul_id=KzdrS25pRTZ1VGFkcTINY0FEczBYUT09&menu_id=TE5CRUZCblh4ZTZMODZlbnk2aWRRQT09

Kementerian Pembangunan Usahawan. (2021). *DKN 2030: Dasar Keusahawanan Nasional Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030*. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/08/Dasar-Keusahawanan-Nasional-DKN-2030_x.pdf.

Kesedaran mengenai agenda kemampanan dalam kalangan PKS masih minimum. (2022, April 26). *BERNAMA*. <https://prn.bernama.com/melaka/news-bm.php?c=&id=2076012>

Lee, H.-A., & Khalid, M. A. (2015). Discrimination of high degrees: race and graduate hiring in Malaysia. *Journal of the Asia Pacific Economy*, 21(1), 53–76. <https://doi.org/10.1080/13547860.2015.1055948>

Syarikat abaikan ESG sukar untuk berkembang. (2022, Februari 17). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/02/923661/syarikat-abaikan-esg-sukar-untuk-berkembang>

Yaacob, M. R. (2011). Isu, cabaran alam sekitar dan respons perniagaan di Malaysia abad 21: Ke arah pembangunan lestari. *Prosiding PERKEM VI*, 1, 389–399.



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA

© 2022 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA. All rights reserved.

Institut Masa Depan Malaysia
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

For more information, visit our website:
www.institutmasa.com

eISBN 978-629-95648-8-1



9 786299 564881